

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM  
[ BERUAS ]**

**RUJUKAN : 9440**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memberikan kerakyatan kepada kanak-kanak berikut:-

- (a) Anak yang dilahirkan di Malaysia kepada pasangan warganegara Malaysia (lelaki) bersama rakyat asing (perempuan) yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka; dan
- (b) Anak di bawah kategori (a) di atas selepas bapanya (warganegara Malaysia) dan ibunya (warga asing) mendaftarkan perkahwinan mereka. Jika, Kerajaan tidak ingin memberikan kerakyatan kepada kanak-kanak di atas apakah kedudukan kanak-kanak tersebut di bumi Malaysia.

## **JAWAPAN:**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertanggungjawab mendaftarkan setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia termasuklah kanak-kanak yang dilahirkan oleh pasangan bukan warganegara.**

**Perlu dimaklumkan bahawa dokumen pendaftaran kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN adalah bukti bahawa kelahiran tersebut telah berlaku di Malaysia dan ia tidak menyebabkan kanak-kanak tersebut memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dan diteliti dalam penentuan status kewarganegaraan seperti tarikh dan tempat kelahiran, taraf kewarganegaraan serta status perkahwinan ibu dan bapa seperti mana diperuntukkan di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.**

**Manakala bagi anak-anak yang dilahirkan sebelum perkahwinan atau perkahwinan yang tidak berdaftar, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut mengikut kewarganegaraan ibunya selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab kedua-dua ibu atau bapa biologi kanak-kanak tersebut untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan konsulat negara asal ibu kanak-kanak berkenaan melalui kedutaan negara-negara yang berkaitan. Ibu atau bapa biologi juga bertanggungjawab untuk tampil ke Jabatan Imigresen Malaysia bagi mengemukakan permohonan pas-pas bersesuaian yang membolehkan anak-anak mereka tinggal secara**

**sah dan mengikut undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B DATO' NGEH KOO HAM  
[ BERUAS ]**

**SOALAN :-**

**Y.B DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan memberikan peruntukan untuk membina dan menyiapkan pembinaan Tapak Pelupusan Teluk Mengkudu di Segari, Manjung, Perak.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, projek pembinaan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Teluk Mengkudu telah diluluskan dengan siling kos projek sebanyak RM 40 juta. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak berhasrat untuk meneruskan projek pembinaan

tapak pelupusan ini di lokasi berkenaan kerana mendapati keadaan tanah tersebut adalah tidak sesuai dan lembut di mana kerja-kerja *ground improvement* perlu dilaksanakan di kawasan berkenaan. Kerja-kerja *ground improvement* ini telah menyebabkan anggaran kos projek telah meningkat kepada RM 100 juta.

Sehubungan itu, disebabkan oleh kos yang terlalu tinggi hanya bagi membina sebuah tapak pelupusan sisa pepejal sanitari berkapasiti 400 tan sehari dan melebihi siling peruntukan, KPKT telah mengambil keputusan untuk menukar lokasi tapak pelupusan sisa pepejal ke tapak lain. KPKT juga telah menerima cadangan lokasi baru dari Majlis Perbandaran Manjung iaitu di Sitiawan dan penilaian awal tapak akan dilaksanakan terlebih dahulu. Ini adalah bagi memastikan tapak tersebut adalah sesuai dengan mengambilkira aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial serta kos operasi dan pembinaan sebelum tapak ini dipersetujui untuk dibangunkan.